

“PENGENDALIAN KONFLIK ANTARA PERSEORANGAN”

NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

NO MATRIK : 148634

Konflik tercetus apabila seseorang itu mempunyai kemahuan atau pengharapan yang bercanggah dengan orang lain. Saya pernah menghadapi konflik antara manusia ketika saya berada di Pra-universiti. Konflik terjadi disebabkan oleh salah faham daripada sahabat karib saya sendiri. Dia memiliki teman wanita yang baru berpindah dari sekolah lain, ketika dia bercinta dengan wanita tersebut, kami sebagai kawan rapat sudah tidak lagi bertegur sapa kerana dia risau teman wanitanya cemburu. Sehingga suatu hari, dia telah menyerang saya secara tiba-tiba kerana dia menganggap bahawa saya tidak senang dengan perhubungan mereka. Walhal, saya tidak pernah masuk campur akan hal peribadinya lagi. Saya terkejut dan menangis kerana sebagai seorang perempuan, saya rasa dia tidak hormat saya apabila dia menyerang dengan keadaan yang kasar. Pada keesokan harinya, saya dan dia telah dipanggil ke bilik guru. Saya menceritakan hal yang sebenarnya, saya tidak ingin memperbesarkan masalah ini lagi dan saya tidak ingin ambil tahu mengenai perhubungan mereka. Strategi yang telah saya ambil adalah dengan cara permuafakatan, kami telah bermaafan kerana bagi saya tiada faedah untuk meneruskan konflik ini. Bagi saya, selagi masalah tersebut boleh diselesaikan dengan baik, maka lebih baik untuk berdamai. Kesan atas minta maaf saya, saya bertekad untuk lebih fokus ketika berada di dalam kelas dan tidak mengambil peduli lagi akan peristiwa itu. Saya bersyukur kerana akhirnya saya memperolehi keputusan yang cemerlang dalam STPM berkat doa dan usaha daripada diri saya sendiri dan semua pihak. Syukur Alhamdulillah, terima kasih.